



SELAMAT (kanan) bersama Kasim memakaikan pangkat kepada anggota Sispa UMSKAL diperhatikan Ismail (kiri) sempena Majlis Pemakaian Pangkat Sispa di Dewan Theatrette UMS Labuan.

56 pelajar UMSKAL dipakaikan pangkat SISPA

UB 20.4.2013 A7

LABUAN: Seramai 56 pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah dipakaikan pangkat pada Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kadet Siswa Pertahanan Awam (Sispa) dan perasmian Pejabat Sispa, kelmarin.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur berkata daripada jumlah itu, 32 pelajar merupakan pelajar Semester II dan 24 lagi pelajar Semester IV.

Beliau yang juga Komandan Sispa UMS berkata majlis itu amat penting bukan sahaja kerana ia menjadi medan untuk menyarungkan pangkat kepada Pegawai Kadet Sispa malah dapat melihat sukarelawan dalam kalangan generasi muda yang akan dilatih bagi menghadapi kecemasan dan bencana dalam negara.

Katanya, melihat kepada penubuhan Sispa UMSKAL yang baru mencecah usia setahun setengah, anggotanya telah membuktikan komitmen dan pencapaian yang membanggakan termasuk muncul johan pertandingan Kemahiran Medik sempena Perhimpunan Sispa ke-3 di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan johan perbarisan kategori IPTA sempena sambutan Hari Malaysia peringkat Wilayah Persekutuan Labuan di Dataran Labuan.

“Saya yakin dengan penubuhan Sispa di UMSKAL, UMS telah menyediakan landasan

awal kepada kumpulan mahasiswa dengan menyemai nilai untuk berkhidmat kepada masyarakat dan negara sekaligus memupuk nilai kesukarelaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian yang disempurnakan oleh Timbalan Pesuruhjaya Pertahanan Awam, Selamat Dahalan yang juga Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Pertahanan Awam di Dewan Theatrette.

Selamat dan Kasim turut merasmikan pejabat Sispa di bangunan Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) untuk memudahkan urusan pentadbiran badan kokurikulum itu.

Turut hadir Pengarah Pertahanan Awam Wilayah Persekutuan, Lt Kol (PA) Zainal Yusof, Pengarah UMSKAL, Lt Kol Bersekutu (PA) Prof Madya Dr Ismail Ali merangkap Timbalan Komandan Sispa UMS, Pegawai Pertahanan Awam Daerah, Mej (PA) Ag Iskandar Ampuan Yaacub dan Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah.

Kasim berkata keanggotaan mahasiswa melalui Kor Sispa akan menjadi nilai tambah kepada pembinaan karakter dan modal insan.

Beliau tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada semua jurulatih dan pegawai Pertahanan Awam kerana banyak membantu menjayakan aktiviti Sispa di universiti itu.